



**ROMBONGAN Bahagian Perumahan dan Hospitaliti, Universiti Malaysia Sabah merakamkan gambar kenangan pada lawatan sambil kerja ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, baru-baru ini.**

## UMS lawat UiTM Shah Alam

*Um 27.06.2012 26*

KOTA KINABALU 26 Jun - Bahagian Perumahan dan Hospitaliti (BPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan sambil kerja ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, baru-baru ini.

Lawatan selama dua hari itu disertai seramai 14 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan BPH dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antara-

bangsa Labuan (UMS-KAL).

Ketua Seksyen Pentadbiran dan Kewangan BPH, Sahilin Marusin yang mengetuai rombongan itu berkata, lawatan itu bertujuan mendapatkan maklumat berguna tentang kemudahan yang terdapat di situ.

“Selain dapat bertukar-tukar pandangan dan idea khususnya berkaitan dengan kolej kediaman, ia juga amat berguna kepada kakita-

ngan BPH meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi menambahbaik sistem pentadbiran di Kolej Kediaman UMS,” katanya di sini semalam.

Sahilin berkata, sepanjang lawatan tersebut, rombongan dibawa melawat Kolej Kediaman Melati dan Kolej Kristal di UiTM Shah Alam; dan Kolej Angsana serta Kolej Reflessia di cawangan UiTM Puncak Alam.